

03/06/1998

Antara dua darjat: Tunai dan digital

NICHOLAS Negroponte, Pengarah Makmal Media Institut Teknologi Massachusetts, tidak perlu diperkenalkan dalam industri teknologi maklumat (IT) dunia dan antarabangsa.

Pandangan dan sumbangannya kepada perkembangan dunia IT tidak boleh diperkecilkan hingga beliau digelar guru digital manakala bukunya Being Digital dijual sebagai goreng pisang panas.

Dalam ucaptamanya di persidangan anjuran Oracle di San Diego, California, Amerika Syarikat, beliau menyatakan, ekonomi digital akan mengubah paradigma baru dalam kehidupan manusia.

"Ekonomi digital akan memudahkan urusan niaga dilakukan seperti membeli-belah, memasukkan wang tunai dan jual beli saham," katanya.

Dalam ucap tama berkenaan, beliau turut mengutarakan teori mengenai wang tunai akan ketinggalan zaman (obsolete) dengan adanya dunia digital kerana dunia digital, terutamanya perdagangan elektronik (e-commerce), akan menggantikan dunia nyata sekarang.

Beliau meramalkan nilai dagangan e-commerce akan mencecah AS\$1 trilion menjelang tahun 2002 yang mana kerajaan Amerika Syarikat meramalkan e-commerce akan mencecah AS\$327 bilion di seluruh dunia menjelang 2002.

Mungkin hujah Negroponte menyatakan segalanya mudah dengan terhapusnya wang tunai dan digantikan wang digital yang mana kita tidak perlu membawa banyak wang dalam saku. Dengan hanya memberikan nombor PIN kad kredit atau kad pintar anda dapat melaksanakan semua urusan niaga.

Namun, kenyataannya bertentangan daripada slogan, bagai mimpi di siang hari. Wahai Megat Negroponte, teori anda mungkin ada kebenarannya namun implikasi terhapusnya wang tunai amat besar dan berbahaya. Walaupun apa yang dia nyatakan mungkin ada kebenaran iaitu peralihan daripada nilai emas sebenar, disandarkan kepada kertas dan akhirnya ditukar dalam bentuk elektronik.

Bagaimanapun, perhatikan Malaysia dan negara di Asia sedang mengalami kejatuhan ekonomi paling teruk kerana adanya pihak tertentu menggunakan senjata paling ampuh iaitu perdagangan mata wang untuk menjatuhkan negara Asia.

Apa yang berlaku sekarang adalah akibat tindakan Presiden Richard Nixon memisahkan nilai dolar daripada emas pada tahun 1971. Ketika itu, nilai dolar Amerika Syarikat yang berada pada tahap terendah tiba-tiba melonjak ke tahap tertinggi dan dijadikan mata wang bagi perdagangan dunia.

Apabila pemisahan berlaku, nilai mata wang tidak lagi mengikut nilai emas atau perak tetapi bergantung kepada pandangan manusia (spekulator mata wang) dan penentuan mengikut pasaran di samping memanfaatkan teknologi digital untuk kepentingan mereka.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut membidas mereka yang terbabit dalam perdagangan mata wang kerana dengan hanya menekan satu butang di skrin komputer, dagangan berjumlah trilion dolar diniagakan dalam skrin komputer tanpa ada pemindahan sebenarnya. Dengan hanya satu butang di komputer juga ekonomi sesebuah negara naik atau turun, bergantung kepada telunjuk spekulator mata wang asing.

Setiausaha Tetap Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC), Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen mencadangkan agar persepsi model industri berasaskan nilai dolar yang bersandarkan persepsi manusia semata-mata diubah kepada model berdasarkan ilmu.

Pada pandangan kawan tidak mengapa kita terpaksa membawa wang sebegitu

banyak asalkan nilainya tidak merudum seperti sekarang. Kesan penurunan nilai mata wang amat perit dan menyakitkan, ramai rakyat kehilangan pekerjaan, kes jenayah dan masalah sosial meningkat, produktiviti negara menurun.

Pada zaman kegemilangan kerajaan Islam, mata wang yang digunakan ialah emas dan perak. Ketika itu, jika nilai satu dinar yang diurus niaga, ia benar-benar satu dinar kerana kita membawanya di tangan dan tidak wujudnya spekulasi mata wang seperti sekarang.

Dunia sudah menyaksikan bagaimana pasaran mata wang dimanipulasikan. Apakah kita tidak terfikir kemungkinan wang digital yang sedang rancak dicanang sekarang digunakan untuk maksud yang sama?

Bagi yang sealiran dengan pemikiran Negroponte, mungkin pandangan kawan dianggap negatif dan tidak relevan dengan perkembangan teknologi. Namun bagi yang sudah merasa bahang ekonomi merudum akan bersetuju.

Kawan tidak menolak teknologi untuk memudahkan kehidupan kita, tetapi kita perlu berhati-hati terhadap teknologi yang dipersembahkan kepada kita. Mungkin juga ada udang bersila di depan batu!

MSC boleh menjadi platform terbaik bagi kita membetulkan ketidakadilan yang sedang berlaku di dunia ketika ini atau kita mungkin terikut-ikut serta membantu Barat yang sedang melakukan penjajahan dalam bentuk elektronik dan ekonomi.

KAWAN: Sedang merudum dan gawat!

(END)